

Lakuan Ilokusi Guru dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Muhammad Zuhair Zainal

zuhair@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,
Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Lakuan ilokusi merupakan perlakuan niat pengucapan yang terdapat dalam sesuatu ujaran. Dalam ujaran yang dituturkan oleh guru ketika proses pengajaran terdapat lakuan ilokusi yang tertentu yang dibina dengan matlamat dan fungsi yang tertentu. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti bentuk lakuan ilokusi guru dalam pengajaran Bahasa Melayu, mengenal pasti jenis lakuan gramatis yang terdapat padanya dan menjelaskan fungsi lakuan ilokusi tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan pragmatik berpandukan pengkategorian lakuan ilokusi dan fungsi ilokusi yang dikemukakan oleh Leech (1983) dalam Prinsip Kesopanan. Kaedah tidak menonjol (*unobtrusive research*) dijalankan dengan menjadikan ujaran yang dituturkan oleh tiga orang guru semasa pengajaran Bahasa Melayu sebagai data kajian. Sebanyak dua puluh satu ujaran terpilih yang dituturkan mengandungi lakuan ilokusi, iaitu berbentuk penegasan, arahan, komisif dan ekspresif. Pada lakuan ilokusi tersebut terdapat pelbagai lakuan gramatis, seperti mendakwa, menyatakan, meminta, menasihati, merayu, mendesak, memerintahkan, mengesyorkan, memberi motivasi, menyuruh, memohon, berjanji, mempelawa dan memujuk. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru menggunakan lakuan-lakuan ilokusi tersebut untuk bersaing, beramah tamah dan berkolaboratif. Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat ujaran yang dituturkan mempunyai dua bentuk lakuan ilokusi yang berbeza dan fungsi lakuan ilokusinya juga turut berbeza. Kajian ini penting dijadikan panduan kepada para guru supaya ujaran yang dituturkan oleh mereka dalam sesi pengajaran mengandungi lakuan ilokusi yang bersesuaian dengan kemampuan kognisi para pelajar supaya fungsi lakuan ilokusi tersebut dapat difahami dengan jelas oleh mereka.

Kata kunci: pragmatik; lakuan ilokusi; lakuan gramatis; pengajaran Bahasa Melayu; fungsi ilokusi

Teacher's Illocutionary Act in Teaching Malay Language

ABSTRACT

Illocutionary act is the speech intention act of a speaker in an utterance. There are certain illocutionary acts specifically uttered with certain aim and function in utterances spoken by a teacher during the teaching process. Therefore, this research is carried out to identify the form of illocutionary acts used by teachers in teaching Malay Language in order to identify the type of grammatical acts and to explain the function of such illocutionary act. This study uses a pragmatic approach based on the categorisation of illocutionary acts and illocutionary function introduced by Leech (1983) in the Politeness Principle. Unobtrusive research has been performed by sampling the utterances spoken by three teachers during the Malay language lesson as the research data. There are twenty one selected utterances which contain illocutionary acts such as assertion, instruction, commissure and expressive. The data revealed that under the stated illocutionary acts, there exists multiple grammatical acts such as claiming, expressing, requesting, advising, appealing, urging, ordering, recommending, motivating, ordering, applying, making promises, inviting and persuading. The research

outcome has shown that teachers have been using such illocutionary acts in order to compete, to be friendly and to collaborate with the students. The study has also revealed that the utterances which were spoken contained two different forms of illocutionary acts with different function of illocutionary act. This research is important as a guide for the teachers so that the utterances spoken by them during the lesson contain appropriate illocutionary acts which are suitable for students' cognitive ability to ensure that the function of illocutionary acts can be understood clearly by the students.

Keywords: pragmatics; illocutionary act; grammatical act; Malay language teaching; illocutionary function

PENDAHULUAN

Cabaran dunia pengajaran di Malaysia kini semakin hebat. Hal ini merupakan impak daripada pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Cabaran ini merupakan suatu petanda yang positif dalam mengembangkan potensi diri guru dan pelajar secara holistik. Dalam PPPM, Bahasa Melayu juga mendapat perhatian, iaitu setiap kanak-kanak akan menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan serta berupaya menggunakan Bahasa Melayu dalam persekitaran kerja. Dengan terlaksananya PPPM ini, semua warga pendidik dilihat menggembungkan tenaga dan usaha dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran (PdP), termasuklah PdP Bahasa Melayu. Pelbagai pendekatan dan kaedah pengajaran yang terkini telah dipraktikkan dalam PdP Bahasa Melayu sejajar dengan pedadogi abad ke-21, seperti pendekatan koperatif, kolaboratif, kontekstual, kaedah *jigsaw problem solving*, *inside-outside circle* dan *three stray, one stay*.

Pengajaran yang baik merupakan gabungan penggunaan pendekatan pengajaran dan bahan bantu mengajar yang menarik. (Shifflet, Mark & Brown, 2006; Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2017). Namun begitu, faktor guru merupakan pemangkin utama kepada pelaksanaan pengajaran bahasa yang berkesan dan menyeronokkan kerana guru dianggap sebagai "sumber utama bahasa dan pembelajaran bahasa" (Kamarudin Hj. Husin, 1993, hlm. 32). Guru yang dapat membuat penerangan isi pelajaran dengan menggunakan ujaran yang kreatif dan lucu dapat menarik perhatian pelajar semasa mengajar Bahasa Melayu. Di samping itu, kemahiran komunikasi guru yang berkesan dapat mengaktifkan penglibatan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail, 2013).

Oleh itu, seorang guru perlu mempunyai kemahiran dan kecekapan berbahasa dengan baik ketika proses pengajaran Bahasa Melayu (Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid & Kartini Abd Wahab, 2016). Kemahiran dan kecekapan berbahasa dengan baik bukan sekadar diukur dari sudut tatabahasa, tetapi turut melibatkan aspek pragmatik, terutamanya kerelevan sesuatu ujaran yang digunakan dalam interaksi lisan semasa sesi pengajaran. Pemilihan ujaran yang relevan akan memudahkan para pelajar untuk memahami maknanya secara tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana adakalanya ujaran yang digunakan oleh para guru ketika mengajar bersifat kabur dan implisit yang menyebabkan makna ujaran tersebut disukar difahami atau disalah tafsir oleh para pelajar (Muhammad Che Majid, 2005).

Sehubungan itu, seorang guru perlu bijak dalam membentuk sesuatu ujaran dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang sesuai supaya ilokusi atau maksud ujaran dapat difahami dengan betul oleh pelajar, meskipun ujaran-ujaran tersebut bersifat tak langsung, seperti ujaran yang berbentuk pertanyaan tetapi tujuannya adalah untuk memberi arahan. Selain itu, guru juga perlu mengetahui fungsi ilokusi bagi ujaran yang dituturkan, sama ada matlamat ujaran tersebut mempunyai persamaan atau berkonflik dengan matlamat sosial

pelajar. Pengetahuan tentang lakuun ilokusi dan fungsinya dapat diperoleh dengan memiliki ilmu dan kemahiran pragmatik.

Walaupun kemahiran pragmatik tidak diajar kepada guru-guru secara langsung dalam ilmu pedagogi dan kurikulum, asas ilmu dan kemahiran pragmatik telah dipelajari oleh guru-guru, khususnya guru-guru Bahasa Melayu yang mempelajari subjek pragmatik pada peringkat universiti atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Maka, dengan adanya asas ilmu dan kemahiran pragmatik tersebut, guru-guru Bahasa Melayu dapat mengurus lakuun ilokusi mereka secara baik dan berkesan. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti lakuun ilokusi dan lakuun gramatis guru-guru dalam pengajaran Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui fungsi lakuun ilokusi yang digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran Bahasa Melayu. Melalui kajian ini, kesedaran terhadap kepentingan ilmu dan kemahiran pragmatik dapat diterapkan kepada guru-guru Bahasa Melayu dan secara langsung guru-guru Bahasa Melayu akan mendapat panduan untuk membuat pilihan terhadap jenis lakuun ilokusi dan lakuun gramatis yang sesuai untuk diaplikasikan dalam pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan tahap dan aras kognisi para pelajar.

SOROTAN LITERATUR

Interaksi perbualan antara guru dengan pelajar amat penting dalam pembentukan makna dalam sesi pengajaran (Siti Saniah Abu Bakar, 2017). Howe dan Abedin (2013) pula berpendapat dialog boleh dijadikan asas kepada kaedah pengajaran yang berjaya. Sementara itu, Kiemer et al. (2015) berpandangan bahawa minat pelajar dapat dipupuk melalui wacana kelas yang produktif.

Farizah Hanim Ismail (2010) telah menjalankan kajian tentang pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu dalam kalangan remaja di sekolah menengah. Melalui kajian tersebut, beliau mendapati bahawa bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menyeronokkan, guru dan pelajar perlu mengetahui asas kemahiran komunikasi dan berbahasa serta mempraktikkannya dalam pelbagai medium. Kajian tentang keperluan pembangunan model falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional berdasarkan pandangan guru Bahasa Melayu di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dengan menggunakan kaedah kajian reka bentuk yang dijalankan oleh Mohd Khairuddin Abdul Wahab dan Mohd Rashid Md. Idris (2016) mendapati bahawa guru perlu mempunyai kemahiran berbahasa dengan baik supaya maklumat yang ingin disampaikan dapat difahami oleh pelajar. Jika kemahiran berbahasa guru lemah, maka guru akan gagal menyampaikan maklumat yang benar dan betul kepada pelajar serta gagal mencapai objektif pelajaran. Berdasarkan pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa seorang guru perlu mempunyai kemahiran pragmatik dalam membentuk komunikasi berkesan semasa proses pengajaran.

Kajian kepemimpinan pengajaran dan sikap guru Bahasa Melayu yang dijalankan Mohd Khairuddin Abdullah dan Halimah Laji (2014) menunjukkan bahawa tingkah laku guru di dalam bilik darjah memberi kesan kepada tingkah laku pelajar dan secara langsung memberi kesan kepada pencapaian pelajar. Tingkah laku guru bukan terhad kepada gerak laku fizikal, tetapi termasuklah lakuun pertuturan. Oleh sebab itulah kajian terhadap lakuun pertuturan guru di dalam kelas penting untuk dijalankan.

Kajian komunikasi interpersonal ekspresif yang dijalankan oleh Syofia Ulfah, Zamri Mahamod dan Jamaludin Badusah (2013) pula mendapati bahawa guru menggunakan komunikasi interpersonal ekspresif mengecam, mengancam, menuduh pada masa memulakan, semasa dan menutup aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Interaksi lisan seperti ini bersifat tidak menghormati serta tidak menghargai pelajar dan boleh menimbulkan perasaan rasa benci pelajar kepada guru. Oleh sebab itu, Abdul Rasid Jamian, Shamsudin

Othman dan Sufiza Ishak (2013) dalam kajian mereka tentang interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu mencadangkan supaya para guru berusaha meningkatkan tahap amalan interaksi lisan di dalam bilik darjah. Menurut pengkaji, “amalan interaksi lisan yang pelbagai dapat merangsang dan menarik minat pelajar untuk memahami isi pelajaran yang diajar oleh guru.” (hlm. 50).

Sememangnya guru-guru harus peka terhadap ujaran yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kerana ujaran-ujaran tersebut dapat mempengaruhi para pelajar, sama ada dari segi pemahaman, tingkah laku dan motivasi diri. Terdapat kajian-kajian menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai kebolehan untuk menilai dan mentafsir sesuatu ujaran dan ayat sastera. Berdasarkan kajian penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah yang dijalankan Shamsudin Othman, Ghazali Lateh dan Nurul Faidzah Ab. Hadi (2014) mengesahkan bahawa hanya segelintir pelajar sahaja yang kurang memahami pengajaran gaya bahasa sastera. Kajian tersebut mendapati para pelajar begitu berminat menggunakan simile dan bentuk perulangan anafora dan epifora dalam pembelajaran kerana kedua-dua jenis ini dapat mencerakinkan proses kemahiran berfikir mereka. Manakala Zaitul Azma Zainon Hamzah (2005) dalam kajianya tentang bahasa, konteks dan pemikiran kanak-kanak Melayu mendapati kanak-kanak mampu melakukan pembentukan dan memahami penggunaan kata bandingan semacam berdasarkan pengalaman dan persepsi mental mereka. Kadangkala juga pemahaman kanak-kanak terhadap pemakaian bahasa melangkaui batas pengalaman mereka.

Selain itu, kajian tentang makna ungkapan dalam perbualan kanak-kanak yang dijalankan oleh Norajihah Muda dan Raja Masittah Raja Ariffin (2014) menunjukkan bahawa dari sudut pragmatik, sudut pandang kanak-kanak berbeza dengan orang dewasa. Contoh, kata “*salam*” dalam ujaran “*Awak esok kita salam lepas tengok orang kerat lembu.*” yang dituturkan oleh seorang kanak-kanak mempunyai makna yang tersirat dan hanya difahami oleh kanak-kanak tersebut. Kata “*salam*” membawa maksud bermaaf-maafan. Dalam konteks ini, perbualan dilakukan sehari sebelum hari raya korban. Kanak-kanak menggunakan kata salam untuk menggambarkan suasana bermaaf-maafan kerana pada pengetahuan mereka konsep bermaaf-maafan itu diiringi dengan tindakan bersalam-salaman. Hal ini jelas menunjukkan bahawa dalam imej kanak-kanak tersebut, perbuatan salam atau bersalam-salaman merupakan perbuatan bermaaf-maafan yang sering dilakukan ketika perayaan (Norajihah Muda & Raja Masittah Raja Ariffin, 2014, hlm. 99). Di samping itu juga, kajian yang dilakukan oleh Ghazali Lateh dan Shamsudin Othman (2014) mendapati bahawa para pelajar mengaplikasikan pengalaman konteks untuk menyerlahkan pemikiran mereka melalui sesi interaksi yang disertai dan melakukan pelbagai pertimbangan bagi memastikan sesuatu interaksi perbualan berjalan dengan lancar dan sempurna.

Kajian-kajian lepas yang dinyatakan jelas memberi petunjuk bahawa guru-guru seharusnya memvariasikan ujaran mereka dalam sesi pengajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan pelbagai ragam bahasa dan bahasa figuratif. Namun begitu, kajian-kajian tersebut kebanyakannya tidak bermatlamat untuk melihat lakuan ilokusi guru sebagai faktor utama bagi melancarkan dan menjayakan interaksi perbualan antara guru dengan para pelajar. Oleh itu, kajian pragmatik berkenaan dengan lakuan ilokusi guru dalam pengajaran Bahasa Melayu perlu dilakukan bagi melengkapkan dan memantapkan kajian-kajian yang sedia ada. Sehubungan itu, kajian ini dijangka dapat membekalkan pengetahuan kepada para guru tentang lakuan ilokusi dan fungsinya. Secara tidak langsung, usaha ini akan memudahkan para pelajar untuk memahami topik pelajaran dengan baik dan menerima maklumat yang ingin disampaikan oleh guru secara tepat.

SOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang utama bagi kajian ini ialah:

1. Apakah bentuk lakuan ilokusi guru dalam pengajaran Bahasa Melayu?
2. Apakah jenis lakuan gramatis yang terdapat pada lakuan ilokusi guru dalam pengajaran Bahasa Melayu
3. Bagaimanakah bentuk fungsi lakuan ilokusi guru dalam pengajaran Bahasa Melayu?

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti bentuk lakuan ilokusi guru dalam pengajaran Bahasa Melayu.
2. Menjelaskan jenis lakuan gramatis yang terdapat pada lakuan ilokusi guru dalam pengajaran Bahasa Melayu.
3. Menganalisis bentuk fungsi lakuan ilokusi guru dalam pengajaran Bahasa Melayu.

ILOKUSI

Interaksi lisan guru dalam proses pengajaran Bahasa Melayu sewajarnya mengandungi unsur pragmatik dan retorik. Menurut Leech (terjemahan Azhar M. Simin 1993, hlm. 8) “dalam konteks pragmatik, konsep retorik ialah penutur mementingkan situasi tuturan yang peka-matlamat, apabila ia menggunakan bahasanya untuk menghasilkan kesan tertentu pada fikiran pendengar”. Untuk memastikan sesuatu maklumat dalam sesuatu ujaran dapat dicapai oleh para pelajar, seseorang guru perlu bijak memanipulasi segala kemahiran pragmatik yang ada.

Dalam pragmatik, terdapat tiga lakuan pertuturan, iaitu lokusi (perlakuan pengucapan), ilokusi (perlakuan niat pengucapan/niat penutur) dan perlokus (perlakuan tindak balas pengucapan). Sebagai contohnya, dalam situasi seseorang bapa ingin menyuruh anaknya tidur, lalu bapa tersebut berkata:

“Saya akan padamkan lampu.”

“*Saya akan padamkan lampu.*” merupakan lokusi, manakala ilokusi bagi ujaran tersebut mungkin berbentuk satu arahan supaya anaknya tidur. Selanjutnya, perlokus berdasarkan ujaran itu, kanak-kanak tersebut menjadi takut, diam dan terus tidur.

Dalam Prinsip Kesopanan, Leech (terjemahan Azhar M. Simin 1993) telah membahas dan memperinci lakuan ilokusi seperti berikut:

1. **Penegasan**, iaitu mengakibatkan penutur bertanggungjawab terhadap kebenaran yang diungkap. **Contoh lakuan gramatisnya** ialah menyatakan, menyarankan, bercakap besar, mengadu, mendakwa, melapor.
2. **Arahan**, iaitu digunakan untuk menghasilkan kesan tertentu melalui lakuan yang dibuat oleh pendengar. **Contoh lakuan gramatisnya** ialah menyuruh, memerintah, memohon, menasihati, mengesyorkan.
3. **Komisif**, iaitu mengakibatkan penutur melakukan sesuatu pada masa muka. **Contoh lakuan gramatisnya** ialah berjanji, bersumpah, mempelawa.
4. **Ekspresif**, iaitu digunakan untuk mengungkapkan atau menyerlahkan sikap psikologi penutur terhadap sesuatu keadaan tertentu yang diandaikan oleh ilokusi. **Contoh lakuan gramatisnya** ialah mengucapkan terima kasih, mengucapkan takziah, menuduh, memuji, mengampunkan.

5. **Perisyiharan**, iaitu lakuhan institusi dan bukannya lakuhan peribadi, biasanya dilakukan oleh seseorang yang ditauliahkan secara khusus untuk melakukannya dengan berbataskan sesuatu rangkaian institusi tertentu. **Contoh lakuhan gramatisnya** ialah meletak jawatan, menamatkan perkhidmatan seseorang, menamakan, memutuskan hubungan, menjatuhkan hukuman, melantik.

Leech (1983) berpendapat bahawa setiap maksim Prinsip Kesopanan boleh diterap pada kategori lakuhan ilokusi. Maksim santun dan maksim kedermawanan dapat diterap pada lakuhan ilokusi komisif, maksim sokongan dan maksim kerendahan hati dapat diterap pada lakuhan ilokusi ekspresif dan penegasan, maksim persetujuan dan maksim simpati diterap pada lakuhan ilokusi penegasan.

Dalam Maksim Santun, Leech (terjemahan Azhar M. Simin 1993) telah mengelaskan ilokusi kepada beberapa fungsi yang utama, seperti berikut:

1. **Bersaing**, iaitu matlamat ilokusi bersaingan dengan matlamat sosial; misalnya, memerintah, meminta, mendesak, merayu.
2. **Beramah tamah**, iaitu matlamat ilokusi sama dengan matlamat sosial; misalnya, mempelawa, menjemput, menyapa, mengucapkan terima kasih, mengucapkan tahniah.
3. **Kolaboratif**, iaitu matlamat ilokusi tak peka terhadap matlamat sosial; misalnya, menyatakan, melaporkan, mengumumkan, mengarahkan.
4. **Berkonflik**, iaitu matlamat ilokusi berkonflik dengan matlamat sosial; misalnya, mengancam, menuduh, menyumpah, mencela.

Menurut Leech (1983) kerja mentafsir dan memahami ilokusi merupakan kerja membuat ramalan atau hipotesis. Ramalan tersebut perlulah mengambil kira konteks ujaran (Thomas, 1995). Leech (1983) berpandangan bahawa konteks dapat dimengertikan dengan cara berbagai yang relevan bagi sesuatu ujaran, termasuklah fizikal, persekitaran, sosial, budaya dan linguistik (Thomas, 1995).

Oleh sebab itu, dalam menginterpretasikan makna penutur, pendengar haruslah bijak untuk meramalkan ilokusi penutur yang terkandung dalam sesuatu ujaran. Pemahaman dan pengetahuan yang jelas terhadap ilokusi penutur turut membantu pendengar untuk menjayakan matlamat yang ingin disampaikan oleh penutur melalui ujarannya dan selanjutnya membolehkan sesuatu interaksi perbualan berlangsung dengan baik serta lancar.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kerangka fenomenologi hermeneutik, atau turut dikenali sebagai fenomenologi pentafsiran dan hermeneutik. Fenomenologi hermeneutik merupakan sains mentafsirkan teks, sama ada bahasanya berasal daripada tulisan atau pertuturan, dan digunakan secara meluas dalam kaedah tidak menonjol (Rapport, 2005; Van Manen, 1990). Kaedah kajian ini menggunakan kaedah tidak menonjol yang tidak memerlukan penyertaan yang lain (Kellehear, 1993) dan menggunakan data tidak hidup seperti buku, gambar, muzik, audiovisual dan lain-lain (Hense-Biber & Leavy, 2005). Kaedah menonjol digunakan kerana terdapat sesetengah data tidak dapat diperoleh disebabkan sensitiviti politik atau budaya atau sosial, sukar mencari informan kerana berada di tempat jauh atau sudah tidak lagi hidup, yang paling utama peserta kajian tidak perlu mengorbankan masa mereka untuk menyertai penyelidikan (Kellehear, 1993; Liamputtong 2009/2014).

Selain itu, kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan dengan menjadikan tiga rekod audiovisual pengajaran Bahasa Melayu yang terdapat dalam laman sesawang www.youtube.com. sebagai sampel kajian. Rekod audiovisual seperti ini mampu memberi

banyak maklumat untuk sesuatu kajian (Pink 2001, 2006; Rose 2001; Hesse-Biber & Leavy 2005; Banks 2007). Tiga rekod audiovisual pengajaran Bahasa Melayu tersebut merupakan rakaman pengajaran Bahasa Melayu kurikulum sekolah rendah yang diajar oleh tiga orang guru Bahasa Melayu yang mengajar tahun empat, tahun lima dan tahun enam. Pengajaran mereka merangkumi aspek tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, dan peribahasa. Tiga orang guru Bahasa Melayu tersebut merupakan seorang guru lelaki dan dua orang guru wanita. Oleh sebab tujuan utama kajian ini adalah untuk membincangkan tentang lakukan lokusi guru, maka fokus kajian ini adalah terhadap ujaran-ujaran yang dituturkan oleh guru bukannya pelajar. Justifikasi pemilihan tiga orang guru tersebut adalah kerana rekod audiovisual pengajaran mereka jelas, sama ada dari aspek suara dan gambar. Yang paling utama ialah ujaran-ujaran yang digunakan oleh mereka dalam pengajaran dapat mencapai objektif kajian.

Selanjutnya, teknik pengumpulan data bagi kajian ini adalah dengan menggunakan teknik analisis dokumen. Ujaran-ujaran yang terdapat dalam rekod audiovisual pengajaran Bahasa Melayu tersebut diteliti, diperiksa, disaring dan dicerakinkan oleh pengkaji untuk dijadikan data kajian. Hasil daripada proses yang penuh teliti tersebut telah menemukan sebanyak dua puluh satu ujaran terpilih yang mengandungi lakukan ilokusi untuk dianalisis. Seterusnya, kesemua ujaran tersebut ditranskripsi ke dalam bentuk transkrip kemudiannya dianalisis secara deskriptif berpandukan pengkategorian lakukan ilokusi dan fungsi ilokusi yang dikemukakan oleh Leech (1983) dalam Prinsip Kesopanan. Pengkategorian lakukan dan fungsi ilokusi tersebut telah dibahas secara mantap oleh Leech dalam maksim santun.

Sebagai contoh, ujaran “*Setiap tanda baca mesti diberi perhatian. Apa itu tanda baca? Beritahu cikgu apa itu tanda baca. Ha! Ha!*” merupakan ujaran Guru A yang mengajar Bahasa Melayu tahun lima. Topik pelajaran ialah tanda baca. Berdasarkan konteks fizikal dan persekitaran, ketika ujaran tersebut dituturkan Guru A sedang menyemak ejaan tulisan yang terdapat pada papan putih yang ditulis oleh dua orang pelajar. Berdasarkan konteks linguistik pula, perkataan “*Ha! Ha!*” digunakan oleh Guru A sebagai bentuk penegas untuk memberi penekanan kepada ayat tanya “*Apa itu tanda baca?*” yang terdapat dalam ujaran tersebut. Oleh itu, ilokusi yang terdapat dalam ujaran “*Setiap tanda baca mesti diberi perhatian. Apa itu tanda baca? Beritahu cikgu apa itu tanda baca. Ha! Ha!*” boleh dimengertikan sebagai arahan. Maka berpandukan pengkategorian lakukan ilokusi dan fungsi ilokusi yang dikemukakan oleh Leech, lakukan gramatis yang terdapat pada lakukan ilokusi arahan tersebut ialah mendesak dan meminta, iaitu guru mendesak murid agar segera membalias pertanyaan guru dan mendesak para pelajar supaya berinteraksi secara aktif dengan beliau. Fungsi lokusinya ialah bersaing, iaitu matlamat ilokusi guru bersaingan dengan matlamat sosial pelajar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

LAKUAN ILOKUSI

Hasil penelitian terhadap tiga rakaman video pengajaran Bahasa Melayu, tenyata dalam ujaran yang dituturkan oleh ketiga-tiga guru Bahasa Melayu tersebut mengandungi lakukan ilokusi tertentu yang terdiri daripada pelbagai jenis lakukan gramatis dan fungsinya turut berbeza.

Berdasarkan analisis terhadap ujaran yang dituturkan oleh ketiga-tiga guru, terdapat sebanyak dua puluh satu ujaran terpilih yang mengandungi lakukan ilokusi. Lakukan ilokusi tersebut berbentuk penegasan, arahan, komisif dan ekspresif. Analisis data kajian menunjukkan terdapat ujaran yang mengandungi satu bentuk lakukan ilokusi dan ada juga mengandungi dua bentuk lakukan ilokusi.

JADUAL 1. Ujaran yang Mempunyai Satu Bentuk Ilokusi

| BENTUK LAKUAN ILOKUSI | GURU A | UJARAN GURU B | GURU C |
|-----------------------|---|--|--|
| ARAHAAN | Tulis je, takpa! Kalau awak pandai, apa sebenarnya cikgu nak ajar kamu hari ini? Walaupun awak nampak benda tu macam ringkas, tak penting, tapi sangat penting dalam penulisan. Nak ke macam tu? Tak nak kan. Lagi? Sambil-sambil tu dah boleh baca dalam hati. Dah boleh kesan, dah boleh <i>scan</i> . | Cepat! Cepat! Jangan buang masa. Banyak lagi soalan. Bincang dengan kawan dulu, dapat kata putus. Awak belajar Sains. Ada belajar! Awak buat analisis tentang tu. Ringkas je! Ringkas je jawapan! | Siapa nak cuba? Angkat tangan cepat! Angkat tanganlah jawab! Okey, Aizat. Cuba Aizat. Last. Okey cuba. Sikit je apa yang awak belajar tadi. Tak kisah. |
| KOMISIF | | Okey, tak keluar kita buat cara bagi dia boleh keluar. | Pilih mana awak nak pilih. Satu hingga lima. Enam dah sudah kan? Mana-mana boleh. |

Jadual 1 di atas menunjukkan ujaran guru yang mengandungi satu bentuk lakuan ilokusi. Tiga belas ujaran mengandungi lakuan ilokusi arahan dan dua ujaran mengandungi lakuan ilokusi komisif. Ujaran Guru B dan Guru C mengandungi lakuan ilokusi arahan dan lakuan ilokusi komisif, manakala ujaran Guru A hanya mengandungi lakuan ilokusi arahan. Lakuan-lakuan ilokusi tersebut dituturkan dengan menggunakan jenis ayat berbeza atau menggabungkan beberapa jenis ayat dalam satu ujaran. Contoh, ujaran “*Cepat! Cepat! Jangan buang masa. Banyak lagi soalan.*” mengandungi tiga jenis ayat, iaitu ayat seruan [*Cepat! Cepat!*], ayat perintah [*Jangan buang masa.*] dan ayat penyata [*Banyak lagi soalan.*]. Ujaran ini merupakan ujaran yang dituturkan oleh Guru B dan lakuan ilokusinya ialah arahan.

JADUAL 2. Ujaran yang Mempunyai Dua Bentuk Lakuan Ilokusi

| BENTUK LAKUAN ILOKUSI | GURU A | UJARAN GURU B | GURU C |
|-----------------------|--------|--|--|
| EKSPRESIF DAN ARAHAN | | Tepat jawapan kamu, tetapi sebelum berlakunya banjir apa yang terjadi? | Okey, kumpulan C dah siap. Kumpulan B dah belum? |
| PENEGASAN DAN ARAHAN | | | Bercakap pula. Berbincang ke apa tu? Satu minit lagi! A belum, B pun belum. |

Jadual 2 di atas menunjukkan ujaran yang mengandungi dua bentuk lakuan ilokusi, iaitu lakuan ilokusi ekspresif dan arahan serta satu lakuan ilokusi penegasan dan arahan. Guru B mempunyai ujaran yang mengandungi lakuan ilokusi ekspresif dan arahan. Guru C pula mempunyai ujaran yang mengandungi lakuan ilokusi ekspresif dan arahan serta lakuan ilokusi penegasan dan arahan. Manakala Guru A tidak mempunyai ujaran yang mengandungi dua bentuk ilokusi.

Penggunaan ayat dalam ujaran yang mengandungi dua bentuk lakuan ilokusi sama seperti ujaran yang mengandungi satu bentuk lakuan ilokusi, iaitu sama ada ujaran tersebut

menggunakan jenis ayat berbeza atau menggabungkan beberapa jenis ayat dalam satu ujaran. Contoh, ujaran “*Okey, kumpulan C dah siap. Kumpulan B dah belum?*” mengandungi dua ayat, iaitu ayat pernyata [*Okey, kumpulan C dah siap.*] dan ayat tanya [*Kumpulan B dah belum?*]. Ujaran ini merupakan ujaran yang dituturkan oleh Guru C dan lakuannya ilokusinya ialah ekspresif dan arahan.

Berdasarkan penelitian terhadap Jadual 1 dan Jadual 2, tidak terdapat lakuannya ilokusi berbentuk perisytiharan dalam ujaran ketiga-tiga orang guru tersebut. Hal ini disebabkan lakuannya perisytiharan bukannya lakuannya peribadi. Kebiasaannya lakuannya ini dilakukan oleh seseorang yang ditauliahkan secara khusus untuk melakukannya dengan berbataskan sesuatu rangkaian institusi tertentu seperti meletak jawatan, menamatkan perkhidmatan seseorang, menamakan, memutuskan hubungan, melantik dan menjatuhkan hukuman. Fungsi utama bagi lakuannya ilokusi ini adalah untuk berkonflik dengan matlamat sosial seseorang (Leech, 1983).

Apabila guru menuturkan ujaran yang bersifat berkonflik seperti mengancam, menuduh dan melabel maka hubungan dan persepsi pelajar terhadap guru akan bertukar menjadi negatif (Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Basudah, 2013). Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan Ghazali Lateh dan Shamsudin Othman (2014) yang mendapati bahawa para pelajar sedaya upaya untuk tidak berkonflik dengan guru, sebaliknya mereka akan cuba bersikap sopan dan santun, seperti contoh berikut;

Guru : Apa kesan lumba haram?

Pelajar : Kesan terhadap perlumbaan haram ada kemungkinan kehilangan nyawa yang tersayang,...dan kehilangan nyawa diri sendiri juga dan juga kehilangan belia yang akan meneraju negara.

Ujaran penutur tersebut bertujuan untuk memberikan respons terhadap guru didapati memiliki unsur-unsur kehalusan bahasa. Frasa “*kehilangan nyawa*” sebenarnya menampakkan unsur kehalusan untuk menggantikan konsep “*mati*”. Begitu juga frasa “*meneraju negara*” digunakan oleh penutur bagi menunjukkan konsep memimpin sebuah negara (Ghazali Lateh & Shamsudin Othman, 2014, hlm. 39).

LAKUAN GRAMATIS

Berdasarkan analisis data, terdapat pelbagai jenis lakuannya gramatis pada lakuannya ilokusi yang dikaji.

JADUAL 3. Jenis Lakuannya Gramatis pada Lakuannya Illokusi Guru

| LAKUAN ILOKUSI | PENEGASAN | ARAHAN | KOMISIF | EKSPRESIF |
|-----------------|------------|------------------|-----------|-----------|
| LAKUAN GRAMATIS | Mendakwa | Meminta | Berjanji | Memuji |
| | Menyatakan | Menasihati | Mempelawa | |
| | | Merayu | | |
| | | Mendesak | | |
| | | Mengesyorkan | | |
| | | Memberi motivasi | | |
| | | Menyuruh | | |
| | | Memohon | | |
| | | Memujuk | | |
| | | Memerintah | | |

Jadual 3 di atas menunjukkan jenis lakuannya gramatis yang terdapat pada lakuannya ilokusi guru. Jenis lakuannya gramatis yang terdapat pada lakuannya ilokusi penegasan ialah mendakwa dan menyatakan. Jenis lakuannya gramatis yang terdapat pada lakuannya ilokusi arahan ialah meminta, menasihati, merayu, mendesak, mengesyorkan, memberi motivasi, menyuruh,

memohon, memujuk dan memerintah. Seterusnya, jenis lakuhan gramatis yang terdapat pada lakuhan komisif ialah berjanji dan mempelawa. Yang terakhir, jenis lakuhan gramatis yang terdapat pada ilokusi ekspresif ialah memuji.

JADUAL 4. Ujaran yang Mempunyai Satu Bentuk Lakuan Ilokusi dan Berbeza Jenis Lakuan Gramatisnya

| UJARAN | GURU | BENTUK LAKUAN ILOKUSI | JENIS LAKUAN GRAMATIS |
|---|------|-----------------------|------------------------------|
| Awak belajar Sains. Ada belajar! Awak buat analisis tentang tu. | B | Arahan | Memberi motivasi Menyuruh |
| Okey, Aizat. Cuba Aizat. Last. Okey cuba. Sikit je apa yang awak belajar tadi. Tak kisah. | C | Arahan | Meminta Merayu |

Berdasarkan Jadual 4, analisis data menunjukkan bahawa terdapat dua ujaran yang mengandungi satu bentuk lakuhan ilokusi tetapi berbeza lakuannya, seperti contoh;

“Awak belajar Sains. Ada belajar! Awak buat analisis tentang tu.”

Dalam ujaran ini terdapat satu bentuk lakuhan ilokusi iaitu **arahan**, tetapi lakuhan gramatisnya berbeza, iaitu guru ingin **memberi motivasi** dan pada masa yang sama guru ingin **menyuruh** pelajar segera menyiapkan tugas yang diberikan kepada mereka. Berdasarkan konteks linguistik, walaupun perkataan “awak” merujuk kepada satu orang pelajar, tetapi arahan guru tersebut bukan merujuk kepada seorang pelajar, tetapi kepada semua pelajar. Perkara ini disokong dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Siti Saniah Abu Bakar (2017) yang mendapati terdapat situasi sesuatu arahan ditujukan kepada seorang pelajar, namun manfaat daripada melakukan arahan tersebut turut melibatkan keseluruhan kelas. Arahan seperti ini termasuk dalam maksim santun kategori kos-manfaat Leech (1983).

JADUAL 5. Ujaran yang Mempunyai Dua Bentuk Lakuan Ilokusi dan Berbeza Jenis Lakuan Gramatisnya

| UJARAN | GURU | BENTUK LAKUAN ILOKUSI | JENIS LAKUAN GRAMATIS |
|---|------|----------------------------|------------------------|
| Tepat jawapan kamu, tetapi sebelum berlakunya banjir apa yang terjadi? | B | Ekspresif dan Arahan | Memuji Mengesyorkan |
| Bercakap pula. Berbincang ke apa tu? | C | Penegasan dan Arahan | Mendakwa Menyuruh |
| Okey, kumpulan C dah siap. Kumpulan B dah belum? | C | Ekspresif dan Arahan | Memuji Memohon |
| Satu minit lagi! A belum, B pun belum. | C | Penegasan dan Arahan | Menyatakan Menyuruh |

Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat empat ujaran yang mempunyai dua lakuhan ilokusi dan berbeza lakuhan gramatisnya, seperti contoh;

“Okey, kumpulan C dah siap. Kumpulan B dah belum?”

Dalam ujaran ini terdapat dua bentuk lakuhan ilokusi iaitu **ekspresif dan arahan**, lakuhan gramatisnya pula ialah guru **memuji** kumpulan yang telah menyiapkan tugas yang diberikan dan pada masa yang sama guru ingin **memohon** ahli kumpulan B supaya bekerjasama bagi menyiapkan tugas tersebut dengan kadar segera. Menurut Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Sufiza Ishak (2013, hlm. 50) “amalan interaksi lisan yang pelbagai dapat merangsang dan menarik minat pelajar untuk memahami isi pelajaran yang diajar oleh guru”.

Berdasarkan ujaran-ujaran guru yang mempunyai dua bentuk lakuhan ilokusi dan berbeza lakuhan gramatisnya, lakuhan perllokusi (perlakuan tindak balas pengucapan) pelajar menunjukkan bahawa mereka mampu memahami kehendak guru dengan memberi tindak balas segera terhadap ujaran-ujaran tersebut. Hal ini selaras dengan kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah (2005) yang mendapati bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang menjangkau luas dan mempunyai konsep kreatif dalam memahami bahasa. Di samping itu, penggunaan pelbagai gaya bahasa turut dapat mengukur aras sejauh mana pencapaian kemahiran berfikir pelajar (Shamsudin Othman, Ghazali Lateh & Nurul Faidzah Ab. Hadi, 2014).

FUNGSI ILOKUSI

Berpandukan analisis terhadap lakuhan ilokusi Guru A, Guru B dan Guru C, maka dapat dijelaskan bahawa terdapat tiga fungsi lakuhan ilokusi guru yang utama dalam pengajaran Bahasa Melayu, iaitu pertama fungsi bersaing, beramah tamah dan kolaboratif. Fungsi bersaing merujuk kepada matlamat ilokusi guru bersaingan dengan matlamat sosial pelajar. Fungsi beramah tamah pula merujuk kepada matlamat ilokusi guru sama dengan matlamat sosial pelajar dan fungsi kolaboratif merujuk kepada matlamat ilokusi guru tak peka terhadap matlamat sosial pelajar.

JADUAL 6. Fungsi Bersaing

| FUNGSI BERSAING (matlamat ilokusi guru bersaingan dengan matlamat sosial pelajar) | | |
|--|------------------------------|---|
| JENIS LAKUAN GRAMATIS | BENTUK LAKUAN ILOKUSI | UJARAN |
| Meminta | Arahan | Tulis je, takpa! |
| | Arahan | Okey, Aizat. Cuba Aizat. <i>Last</i> . Okey cuba. Sikit je apa yang awak belajar tadi. Tak kisah. |
| Menasihati | Arahan | Walaupun awak nampak benda tu macam ringkas, tak penting, tapi sangat penting dalam penulisan. |
| | Arahan | Bincang dengan kawan dulu, dapat kata putus. |
| Merayu | Arahan | Nak ke macam tu? Tak nak kan. |
| | Arahan | Okey, Aizat. Cuba Aizat. <i>Last</i> . Okey cuba. Sikit je apa yang awak belajar tadi. Tak kisah. |
| Mendesak | Arahan | Kita uji diri sendiri. |
| | Arahan | Cepat! Cepat! Jangan buang masa. Banyak lagi soalan. |
| Mengesyorkan | Arahan | Rumput panjang sangat! Okey, suaralah! <i>Come on</i> ! |
| | Ekspresif dan Arahan | Tepat jawapan kamu, tetapi sebelum berlakunya banjir apa yang terjadi? |
| Memberi Motivasi | Arahan | Awak belajar Sains. Ada belajar! Awak buat analisis tentang tu. |
| Menyuruh | Arahan | Kalau awak pandai, apa sebenarnya cikgu nak ajar kamu hari ini? |
| | Arahan | Awak belajar Sains. Ada belajar! Awak buat analisis tentang tu. |
| | Penegasan dan Arahan | Bercakap pula. Berbincang ke apa tu? |
| | Penegasan dan Arahan | Satu minit lagi! A belum, B pun belum. |
| | Arahan | Siapa nak cuba? Angkat tangan cepat! |

| | | |
|------------|----------------------|--|
| Memohon | Arahan | Lagi? |
| | Ekspresif dan Arahan | Okey, kumpulan C dah siap. Kumpulan B dah belum? |
| | Arahan | Angkat tanganlah jawab! |
| Memujuk | Arahan | Sambil-sambil tu dah boleh baca dalam hati. Dah boleh kesan, dah boleh <i>scan</i> . |
| Memerintah | Arahan | Ringkas je! Ringkas je jawapan! |

Jadual 6 menunjukkan fungsi ilokusi bersaing. Terdapat sepuluh lakuan gramatis yang berfungsi sebagai bersaing, iaitu meminta, menasihati, merayu, mendesak, mengesyorkan, memberi motivasi, menyuruh, memohon, memujuk dan memerintah. Contoh ujaran:

“Sepatutnya awak layak dapat A, disebabkan kecuaian, leka awak, lalai awak, awak sendiri yang menanggungnya. Markah kurang. **Nak ke macam tu? Tak nak kan.**”

Ujaran di atas merupakan ujaran yang dituturkan oleh Guru A. Berdasarkan konteks fizikal dan persekitaran, pada ketika itu Guru A dan pelajar sedang menyemak ayat yang ditulis oleh seorang pelajar di papan putih. Ayat yang ditulis ialah “*Saya belajar di Sekolah Kebangsaan Tok Sila.*” Apabila disemak, Guru A mendapati pelajar tersebut menulis ayat “*Saya belajar di Sekolah Kebangsaan Tok Sila.*” dengan betul, terutamanya dari aspek tanda baca, iaitu penggunaan huruf besar bagi kata nama khas. Pada masa yang sama, Guru A memberi ingatan kepada pelajar yang lain bahawa setiap kesalahan penggunaan huruf besar pada kata nama khas akan memberi kesan terhadap markah penulisan. Oleh sebab itu, Guru A menuturkan ujaran “*Nak ke macam tu? Tak nak kan.*” Ayat tersebut mengandungi lakuan ilokusi arahan, padanya terdapat lakuan gramatis merayu yang berfungsi sebagai bersaing, iaitu dengan cara menjadikan matlamat ilokusi guru bersaingan dengan matlamat pelajar.

JADUAL 7. Fungsi Beramah Tamah

| FUNGSI BERAMAH TAMAH (matlamat ilokusi guru sama dengan matlamat sosial pelajar) | | |
|---|---------------------------------|---|
| JENIS LAKUAN GRAMATIS | BENTUK LAKUAN ILOKUSI | UJARAN |
| Berjanji | Komisif | Okey, tak keluar kita buat cara bagi dia boleh keluar. |
| Memuji | Ekspresif dan Arahan | Tepat jawapan kamu, tetapi sebelum berlakunya banjir apa yang terjadi? |
| Mempelawa | Ekspresif dan Arahan Komisif | Okey, kumpulan C dah siap. Kumpulan B dah belum? Pilih mana awak nak pilih. Satu hingga lima. Enam dah sudah kan? Mana-mana boleh. |

Jadual 7 menunjukkan fungsi ilokusi beramah tamah. Terdapat tiga lakuan gramatis yang berfungsi beramah tamah, iaitu berjanji, memuji dan mempelawa. Contoh ujaran:

“Lihat video berikut. Kita lihat video ini ... Hai, kenapa pulak video saya tak keluar? **Okey, tak keluar kita buat cara bagi dia boleh keluar.**” (B1, 5:46)

Ujaran di atas merupakan ujaran yang dituturkan oleh Guru B. Berdasarkan konteks fizikal dan persekitaran, Guru B sedang mengadakan satu aktiviti uji minda kepada pelajar. Maklumat yang terdapat dalam aktiviti uji minda tersebut mempunyai hubung kait dengan video yang ingin ditayangkan oleh Guru B. Ketika Guru B ingin menayangkan video tersebut, timbul masalah teknikal yang menyebabkan video tersebut tidak dapat ditayangkan. Lantas Guru B menuturkan ujaran “*Okey, tak keluar kita buat cara bagi dia boleh keluar.*” Berdasarkan konteks linguistik pula, ayat yang digunakan oleh Guru B merupakan ayat

penyata yang bertujuan untuk memberi keterangan tentang sesuatu hal, iaitu Guru B menerangkan kepada pelajar bahawa beliau akan berusaha untuk membolehkan audiovisual video tersebut dapat ditayangkan. Berpandukan ujaran tersebut, maka dapat dikenal pasti bahawa lakuannya ilokusinya berbentuk arahan, padanya terdapat lakuannya gramatis berjanji yang berfungsi sebagai beramah tamah, iaitu dengan cara menjadikan matlamat ilokus guru sama dengan matlamat pelajar.

JADUAL 8. Fungsi Kolaboratif

| FUNGSI KOLABORATIF (matlamat ilokus guru tidak peka terhadap matlamat sosial pelajar) | | |
|--|------------------------------|--|
| JENIS LAKUAN GRAMATIS | BENTUK LAKUAN ILOKUSI | UJARAN |
| Mendakwa | Penegasan dan Arahan | Bercakap pula. Berbincang ke apa tu? |
| Menyatakan | Penegasan dan Arahan | Satu minit lagi! A belum, B pun belum. |

Jadual 8 menunjukkan fungsi ilokus berbentuk kolaboratif. Fungsi kolaboratif tersebut melibatkan lakuannya gramatis mendakwa dan menyatakan. Contoh, ujaran “*Bercakap pula. Berbincang ke apa tu?*” dituturkan oleh Guru C. Berdasarkan konteks fizikal dan persekitaran, pada ketika itu pelajar diminta berbincang tentang gambar yang diberikan oleh Guru C mengikut kumpulan yang telah ditetapkan. Semasa aktiviti tersebut dijalankan, Guru C mendapatkannya kumpulan yang membuat bising dan tidak fokus terhadap perbincangan kumpulan. Sepatutnya perkara tersebut tidak berlaku kerana berdasarkan konteks sosial dan budaya, pelajar perlu sentiasa fokus terhadap pembelajaran dan sentiasa menghormati guru dan ahli kumpulan yang lain. Oleh sebab itulah Guru C menuturkan ujaran tersebut untuk membuat penegasan dan arahan kepada pelajar dengan membuat dakwaan bahawa terdapat pelajar yang bercakap dan tidak melakukan perbincangan seperti yang diarahkan. Maka berpandukan ujaran tersebut, fungsi ilokus guru ialah kolaboratif, iaitu dengan menjadikan matlamat ilokus guru tidak peka terhadap matlamat sosial pelajar.

Berdasarkan penelitian terhadap Jadual 6, Jadual 7 dan Jadual 8, maka didapati bahawa fungsi ilokus guru yang paling menyerlah adalah untuk bersaing. Fungsi ini dilihat tidak mesra pelajar, tetapi merupakan strategi kesantunan negatif. Kegunannya adalah untuk mengurangkan pergeseran yang tersirat dalam persaingan yang melibatkan apa yang guru mahu lakukan dengan apa yang dianggap sebagai berada bagi murid. Fungsi bersaing ini sebenarnya amat diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya kawalan kelas dan arahan yang diberikan oleh guru dapat dipatuhi dengan sebaik-baiknya oleh pelajar. Hal ini disebabkan lakuannya gramatis seperti menegur atau memberi arahan secara berlapik mampu memberi kesedaran kepada pendengar untuk mewujudkan keharmonian sepanjang komunikasi berlangsung (Rozita Che Omar & Jagdish Kumar, 2017).

Sebagai contoh, dalam ujaran “*Tulis je, takpa!*” terdapat lakuannya ilokus berbentuk arahan. Konteks perbualan menunjukkan bahawa pada ketika itu seorang pelajar sedang menulis sebuah ayat di papan putih seperti yang dituturkan oleh guru. Pelajar tersebut terlalu berhati-hati ketika menulis ayat tersebut kerana bimbang akan melakukan kesilapan dari sudut ejaan, maka guru tersebut pun mengujarkan “*Tulis je, takpa!*” dengan tujuan untuk meminta pelajar tersebut supaya segera menyiapkan tugasannya yang telah diberikan tanpa berasa takut dan tidak terlalu berhati-hati.

Oleh itu, para guru perlu bijak, berhemah dan berhati-hati ketika menggunakan ujaran yang berbentuk seperti ini. Suara, mimik muka dan gerak badan perlu seimbang dan tidak keterlaluan ketika menuturkan ujaran seperti ini agar pelajar tidak menyalahfahamkannya, tidak berasa tersinggung dan tidak berasa takut (Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Basudah, 2013).

Jadual 6, Jadual 7 dan Jadual 8 juga menunjukkan bahawa fungsi beramah tamah dan fungsi kolaboratif kurang menyerlah jika dibandingkan dengan fungsi bersaing. Analisis data mendapati fungsi beramah tamah digunakan oleh guru untuk berjanji, memuji dan mempelawa. Fungsi beramah tamah tersebut terarah kepada kesopanan positif, kegunaannya adalah untuk mendapat peluang bagi memajukan sikap hormat. Manakala fungsi ilokusi kolaboratif pula digunakan oleh guru untuk mendakwa dan menyatakan. Fungsi kolaboratif kebiasaannya mampamerkan kesopanan tidak relevan dan kebanyakannya melibatkan wacana bertulis. Di samping itu, analisis data turut menunjukkan bahawa tidak wujud fungsi berkonflik dalam lakuan ilokusi guru disebabkan fungsi ini langsung tidak mempunyai kesopanan. Hal ini demikian kerana ilokusi yang bersifat konflik (perisytiharan) sengaja direka untuk menyakitkan hati seseorang (Leech, 1983).

Selanjutnya, dalam ujaran yang mempunyai dua bentuk lakuan ilokusi, sudah pasti juga fungsi ilokusinya bersifat pelbagai. Sebagai contoh ujaran “*Tepat jawapan kamu, tetapi sebelum berlakunya banjir apa yang terjadi?*”; konteks perbualan menunjukkan bahawa pada ketika itu guru sedang menyoal pelajar dengan soalan “*Sekiranya hujan turun berterusan beberapa hari, apakah yang akan berlaku?*”. Secara berkumpulan pelajar dikehendaki memikirkan jawapan yang tepat bagi soalan tersebut. Setelah tamat masa berbincang, semua kumpulan memberi jawapan yang sama, iaitu “*banjir*”. Guru bersetuju dengan jawapan tersebut tetapi pada masa yang sama guru berasa jawapan tersebut terlalu ringkas dan perlu dikupas dengan lebih mendalam.

Analisis terhadap ujaran “*Tepat jawapan kamu, tetapi sebelum berlakunya banjir apa yang terjadi?*” mendapati bahawa fungsi ilokusinya ialah beramah tamah dan bersaing. Fungsi beramah tamah dalam ujaran tersebut ialah matlamat ilokusi guru sama dengan matlamat sosial pelajar, iaitu guru memuji pelajarnya disebabkan mereka memberi jawapan yang hampir tepat. Manakala fungsi bersaingnya pula ialah matlamat ilokusi guru bersaingan dengan matlamat sosial pelajar, iaitu guru mengesyorkan kepada pelajarnya supaya mengupas jawapan yang telah diberikan agar menjadi lebih sempurna.

Maka berdasarkan analisis data, ujaran yang mempunyai pelbagai fungsi ilokusi ialah seperti yang tercatat di Jadual 9.

JADUAL 9. Ujaran yang Mempunyai Pelbagai Fungsi Ilokusi

| FUNGSI ILOKUSI | LAKUAN GRAMATIS | BENTUK LAKUAN ILOKUSI | UJARAN |
|----------------------------|-------------------------|-----------------------|--|
| Beramah Tamah dan Bersaing | Memuji dan Memohon | Ekspresif dan Arahan | Tepat jawapan kamu, tetapi sebelum berlakunya banjir apa yang terjadi? |
| Kolaboratif dan Bersaing | Mendakwa dan Menyuruh | Penegasan dan Arahan | Bercakap pula. Berbincang ke apa tu? |
| Beramah Tamah dan Bersaing | Memuji dan Memohon | Ekspresif dan Arahan | Okey, kumpulan C dah siap. Kumpulan B dah belum? |
| Kolaboratif dan Bersaing | Menyatakan dan menyuruh | Penegasan dan Arahan | Satu minit lagi! A belum, B pun belum. |

Dalam hal ini terdapat suatu perkara yang unik, iaitu guru berupaya menggandingkan fungsi beramah tamah bersama fungsi kolaboratif dalam satu ujaran. Kedua-dua fungsi ini sangat berbeza dan berlawanan. Hal ini membuktikan bahawa guru sebenarnya berkemampuan untuk memanipulasi sesuatu ujaran bagi menyampaikan matlamat ilokusi yang berbeza serta berlawanan.

Contohnya, dalam ujaran “*Okey, kumpulan C dah siap. Kumpulan B dah belum?*” lakuan ilokusinya berbentuk ekspresif dan arahan, manakala fungsi ilokusinya ialah beramah tamah dan bersaing yakni matlamat ilokusi guru sama dengan matlamat sosial pelajar serta

matlamat guru bersaingan dengan matlamat sosial pelajar, iaitu guru memuji kumpulan A dan C kerana telah menyiapkan tugas yang diberikan dan pada masa yang sama guru memohon ahli kumpulan B bekerjasama supaya menyiapkan tugas tersebut dengan segera. Dalam situasi ini, guru dapat menghindarkan diri daripada melakukan pujian yang bersifat atau kelihatan tidak ikhlas kerana perbuatan seperti ini akan mendatangkan pengaruh yang negatif terhadap perkembangan emosi, psikologi dan motivasi pelajar (Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Basudah, 2013).

Oleh itu, dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Norajihah Muda dan Raja Masittah Raja Afiffin (2014), iaitu guru seharusnya menyampaikan arahan secara santun dan mesra kerana pelajar sememangnya sudah mempunyai kemahiran pragmatik dan unsur pragmatik tersebut berkembang selaras dengan perkembangan bahasa mereka. Kajian ini juga turut menyokong cadangan yang dibuat Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Sufiza Ishak (2013) yang menyatakan bahawa amalan interaksi lisan guru yang baik digabungkan pula dengan strategi berpusatkan pelajar akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berjaya serta menarik.

Maka, dengan mengetahui bentuk lakuan ilokusi, jenis lakuan gramatis yang terdapat padanya dan fungsi lakuan ilokusi tersebut akan mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berjaya dan interaksi komunikasi antara guru dengan pelajar menjadi lebih berkesan dan bermakna sebagaimana yang dinyatakan oleh Rozita Che Omar dan Jagdish Kumar (2017, hlm. 203) “sifat kerjasama dalam komunikasi antara pelajar dan penutur natif dilihat dapat membantu meningkatkan kecekapan komunikatif pelajar”. Hal ini turut diperkuatkan lagi dengan pendapat Ahmad Mahmood Musanif *et al.* (2011) yang mengatakan bahawa dalam pengajaran bahasa amat penting bagi seseorang pelajar mempunyai ilmu dan kemahiran bahasa untuk digunakan bagi proses pembentukan makna.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa ujaran-ujaran guru Bahasa Melayu mempunyai lakuan ilokusi penegasan, arahan dan komisif. Lakuan gramatis yang terdapat pada lakuan-lakuan ilokusi tersebut ialah meminta, menasihati, merayu, mendesak, mengesyorkan, memberi motivasi, menyuruh, memohon, memujuk, memerintah, berjanji, memuji, mempelawa, mendakwa dan menyatakan, manakala fungsi ilokusnya ialah bersaing, beramah tamah dan kolaboratif.

Kajian ini juga memberi implikasi yang baik kepada para guru, antaranya ialah meningkatkan kefahaman tentang pembinaan lakuan ilokusi dan fungsinya dalam PdP Bahasa Melayu yang bersesuaian dengan aras kognisi para pelajar. Selain itu, dapatan kajian ini juga memberikan kesedaran kepada para guru bahawa betapa penting sikap rasional dan beradab dalam PdP bagi tujuan membentuk dan menyelenggara sikap santun serta hormat menghormati antara satu dengan yang lain sesuai dengan hati budi masyarakat Melayu, iaitu yang tua dihormati, yang muda disayangi. Secara tidak langsung, implikasi ini dapat memberi dorongan dan sokongan kepada para pelajar supaya meneladani sikap dan budi pekerti yang murni yang ditunjukkan oleh guru mereka.

Kebijaksanaan guru dalam membentuk lakuan ilokusi dan lakuan gramatis yang rasional dan berhemah dapat menarik minat pelajar terhadap pengajaran Bahasa Melayu. Maka, secara tidak langsung proses ini dapat menghasilkan kesan positif terhadap perkembangan psikologi, emosi dan motivasi diri pelajar selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke arah memperkembangkan potensi diri para pelajar secara menyeluruh dan bersepadau. Oleh hal yang demikian, dicadangkan kepada guru-guru Bahasa Melayu supaya terus menambah dan melengkapkan diri mereka dengan kemahiran pragmatik supaya tutur bicara mereka ketika proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan berwibawa.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 3(2), 49-63.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, & Sufiza Ishak. (2013). Interaksi Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 3(1), 42-51.
- Ahmad Mahmood Musanif, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Hjh Nor Azuwan Yaakob, & Norizan Che Su. (2011). Pengetahuan Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Linguistik*. Vol. 13, 1-16.
- Aini Johari & Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 16(2), 73-92.
- Banks, M. (2007). *Using Visual Data in Qualitative Research*. London: Sage Publications.
- Farizah Hanim Ismail. (2010). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Remaja di Sekolah Menengah: Suatu Cabaran. *Jurnal Linguistik*. Vol. 10(edisi khas), 1-17.
- Ghazali Lateh & Shamsudin Othman. (2014). Tinjauan Interaksi Lisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Remaja Malaysia dari Sudut Etnografi Komunikasi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 4(1), 30-40.
- Hesse-Biber, S.N & Leay, P. (2005). *The Practice of Qualitative Research*. Thousand Oak, CA: Sage Publications.
- Howe, C. & Abedin, M. (2013), Classroom Dialogue: A Systematic Review Across Four Decades of Research. *Cambridge Journal of Education*. Vol. 43(3), 325-356, DOI: 10.1080/0305764X.2013.786024
- Kamarudin Hj. Husin. (1993). *Perkaedahan Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kellehear, A. (1993). *The Unobtrusive Researcher: A Guide to Methods*. Sydney: Allen & Unwin.
- Kiemer, K., Groschner, A., Pehmer, A-K., & Seidel, T. (2015). Effects of a Classroom Discourse Intervention on Teachers' Practice and Students' Motivation to Learn Mathematic and Science. *Learning and Instruction*. Vol. 35, 94-103.
- Leech, G.N. (1983). *Principle of Pragmatics*. London: Longman.
- Leech, G. N. (1993). *Prinsip Pragmatik*. (Terjemahan Azhar M. Simin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Terbitan asal 1983).
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif*. (Terjemahan Haliza Mohd Riji & Shamsuddin Ahmad). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. (Terbitan asal 2009).
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid & Kartini Abd Wahab. (2016). Melahirkan Warga yang Berketerampilan Bahasa: Kajian Hubungan antara Pengetahuan dengan Amalan Komunikatif dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*. Vol. 12(9), 32-45.
- Mohd Khadir Abdul Wahab dan Mohd Rashid Md. Idris. (2016). Interpretasi Guru Bahasa Melayu terhadap Penyerapan Elemen Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional: Satu Kajian Analisis Keperluan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 6(1), 1-15.
- Mohd Khairuddin Abdullah dan Halimah Laji. (2014). Kepemimpinan Pengajaran dan Sikap Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 4(1), 48-58.

- Muhammad Che Majid. (2005). Bahasa guru-pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran: Satu analisis semantik dan pragmatik. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Norajihah Muda & Raja Masittah Raja Afiffin. (2014). Makna Ungkapan dalam Perbualan Kanak-Kanak Perempuan Berdasarkan Teori Imej. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*. Vol. 7, 96-105.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2017). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Melayu Negeri Sarawak: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 7(1), 93-108.
- Palmer, F. R. (1992). *Semantik*. (Terjemahan Abdullah Hassan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Terbitan asal 1981).
- Pink, S. (2001). *Doing Visual Ethnography: Image, Media and Representation in Research*. London: Sage Publications.
- Rapport. (2005) Hermeneutic Phenomenology: The Science of Interpretation of Texts. Dalam I. Holloway (ed.), *Qualitative Research in Health Care* (hlm. 125). Maidenhead, Birkshire: Open Universiti Press.
- Rose, G. (2001). *Visual Methodologies: An Introduction to the Interpretation of Visual Materials*. London: Sage Publications.
- Rozita Che Omar & Jagdish Kumar. (2017). Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Rutin Perundingan Makna. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 17(1), 203-222.
- Shamsudin Othman, Ghazali Lateh, & Nurul Faidzah Ab. Hadi. (2014). Penggunaan Gaya Bahasa Sastera dalam Pengajaran Melayu di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 4(1), 59-64.
- Shifflet, Mark & Brown. (2006) The Use of Instructional Simulations to Support Classroom Teaching: A Crisis Communication Case Study. *Journal of Educational Multimedia & Hypermedia*. Vol. 15(4), 377-395.
- Siti Hajar. (2010). *Pragmatik linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Saniah Abu Bakar. (2017). Komunikasi Interpersonal Guru Bahasa di Jerman. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 17(2), 139-154
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. (2013). Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspresif : Mencipta Guru Bahasa Indonesia yang Penyayang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 13(1), 139-154.
- Thomas, J. (1995). *Meaning in Interaction: an Introduction to Pragmatics*. New York: Longman.
- Van Manen, M. (1990). *Researching Lived Experience: Human Science for an Action Sensitive Pedagogy*. London: Althouse Press.
- Verschueren, J. (1999). *Understanding Pragmatics*. London: Arnold.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2005). Bahasa, Konteks dan Pemikiran Kanak-Kanak Melayu: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*. Vol. 5(2), 135-153.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan & Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2014). Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah. Diakses pada 15 Ogos 2017 daripada <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/08/7-KESANTUNAN-BERBAHASA-DALAM-KALANGAN-REMAJA.pdf>

PENULIS

Muhammad Zuhair Zainal (Ph.D) merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Bidang pengkhususan penulis ialah pragmatik, pengajian Bahasa Melayu transdisiplin, pedagogi dan kurikulum Bahasa Melayu.